

20/07/2001

Insentif tambahan pacu ICT negara

Khairul Anuar Samad

PERSATUAN Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom) meminta kerajaan menyediakan insentif tambahan pada Belanjawan 2002 dalam usaha memesatkan pertumbuhan industri komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) tempatan.

Pikom meminta enam insentif tambahan berdasarkan keadaan negara kini yang turut berada dalam kemelut kelembapan ekonomi global.

Memorandum insentif itu dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, pada sesi dialog praBelanjawan 2002 di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Pengerusi Pikom, Wendy Liew berkata, sesi perbincangan dengan Dr Mahathir nampaknya berhasil dan Pikom menjangkakan banyak berita baik daripada kerajaan untuk memacu pertumbuhan industri termasuk ICT.

"Antara lain, Pikom turut meminta insentif tambahan untuk pembelian komputer peribadi (PC) bagi menjadikan usaha pemilikan PC lebih mampu dimiliki pengguna," katanya.

Antara isu yang dibangkitkan Pikom untuk dinilai pada Belanjawan 2002 ialah:

- * Penghapusan withholding pegangan dalam aspek untuk membeli perisian daripada luar negara dan pakar teknikal.

Usaha itu sudah dilaksanakan di Singapura yang mana cukai seperti itu sudah dihapuskan.

Usaha itu selaras aspirasi kerajaan ke arah mewujudkan masyarakat berpengetahuan selain berusaha menarik lebih ramai pekerja mahir.

- * Pengurangan cukai bagi pembelian komputer sebanyak RM400 dilakukan setiap tiga tahun berbanding lima tahun bagi membolehkan pengguna sentiasa terdedah kepada perkembangan terkini teknologi mikropemproses. Ini berdasarkan kepada komputer lama tidak dapat memenuhi keperluan perkembangan perisian terkini.

Usaha ini juga untuk merapatkan jurang digital di negara ini selain menjadikannya mampu dimiliki golongan berpendapatan rendah.

Pikom mencadangkan kumpulan itu dengan pendapatan kurang RM24,000 setahun, pengurangan cukai bagi pembelian komputer sebanyak RM600.

- * Cukai perkhidmatan terhadap kontrak penyelenggaraan. Cukai ini diperkenal pada 1998 dan menyebabkan berlaku banyak ketidakpastian dalam industri teknologi maklumat (IT) dan ia masih belum dapat diselesaikan sehingga kini.

Pikom kini masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak Kastam untuk mengenal pasti apa yang sepatutnya tertakluk dalam perkhidmatan yang dikenakan cukai.

Pihak kerajaan dan Menteri Kewangan juga diminta memberi pandangan dalam mengatasi isu ini.

- * Meningkatkan penggunaan ICT untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang mana kerajaan diminta menyediakan pemecahan cukai (tax break) sebanyak RM50,000 bagi pembelian produk baru ICT bagi menyokong perniagaan elektronik mereka.

- * Menghapuskan cukai pada cip CPU dan projektor multimedia mengikut kod tarif 8542.12.000 dan 8542.13.000. Hingga kini hanya CPU mengikut kod tarif 8542.19.000 yang dikecualikan daripada cukai jualan.

- * Pembiayaan untuk persatuan yang mana Pikom ingin mengekalkan kadar cukainya pada 50 peratus bagi membolehkan persatuan memperoleh tabungan kukuh dalam membiayai kegiatannya.

(END)